

03 DEC 2001

Jerman-Mahathir

MAHATHIR LAWAT JERMAN PADA MAC 2002

PUTRAJAYA, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan rasmi ke Jerman pada Mac tahun depan, demikian diumumkan oleh Menteri Negara Jerman di Pejabat Luar Persekutuan Dr Ludger Volmer hari ini.

Beliau berkata semasa lawatan, Dr Mahathir akan menemui Canselor Gerhard Schroeder dan kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan usaha meningkatkan hubungan dua hala dan isu-isu semasa.

"Kami tahu Malaysia adalah satu daripada penjuru du Asia Tenggara dan kami mahu meningkatkan dan mengadakan dialog yang bermanfaat," kata beliau pada persidangan media pada akhir lawatan dua hari ke Malaysia.

Dr Mahathir sebelumnya dijadual melawat Berlin dan Munich selama tiga hari dari 18 Sept tahun ini atas undangan Schroeder.

Bagaimanapun, perdana menteri membatalkan lawatan ke Jerman, Britain dan Rusia berikutan serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Dr Mahathir berkata beliau membuat keputusan untuk membatalkan lawatannya disebabkan ketidakpastian berikutan serangan penggaas ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington yang menyebabkan beribu-ribu orang terbunuh.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menartik perhatian ketika itu bahawa semua pemimpin Eropah akan sibuk menangani masalah itu.

Dalam kenyataan pada 10 Sept, Wisma Putra menyatakan lawatan Dr Mahathir ke Jerman antara lain untuk memperkenalkan tarikan Malaysia bagi pelabur dan meninjau secara dekat teknologi terbaru yang digunakan dalam bioteknologi, teknologi maklumat dan industri pengangkutan.

Dalam jadual asal bagi lawatan yang dibatalkan, Dr Mahathir juga sepatutnya merasmikan bangunan kanseri di Kedutaan Malaysia di Berlin.

-- BERNAMA

AT AHH RYN FAZ